

# Budak jadi mangsa penderaan seksual

Sinar 5/1/13 MS K.S.

*Lima ahli keluarga ditahan bantu siasatan*

**NOOR'AINON MOHAMED YUSOF**

**IPOH** – Dua kanak-kanak perempuan dijadikan alat pemuas nafsu oleh lima ahli keluarganya yang bertindak kejam mengikat dan mendera mangsa secara seksual termasuk mencederakan alat sulit mereka menggunakan pelbagai objek keras.

Mangsa yang berusia lima dan tujuh tahun itu mendakwa, kejadian itu dilakukan oleh bapa, datuk, sepupu dan makcik yang diamanahkan menjaga dua beradik itu.

Mangsa kemudian mengadu mengalami kesakitan di bahagian alat sulit kepada ibunya berusia 30-an sebelum membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Kerian

pada 27 Disember 2012 lalu.

Ketua Polis Perak, Datuk Mohd Shukri Dahlan berkata, berdasarkan laporan itu, kedua-dua mangsa dirujuk ke Hospital Taiping dan hasil laporan perubatan mendapati terdapat kesan koyak pada kemaluan mereka.

Menurutnya, pihak polis memberi perhatian serius kes berkenaan apabila lima suspek yang dikaitkan dengan kes itu ditahan malam kelmarin untuk diambil rakaman percakapan.

“Tiga lelaki ditahan membabitkan datuk mangsa berusia 70 tahun dan dua sepupu masing-masing berusia 17 dan 24 tahun. Manakala, dua wanita merupakan ibu saudara mangsa berusia 43 dan 36 tahun turut ditahan.



**MOHD SHUKRI**

Mereka bekerja sebagai guru komputer dan pelayan restoran di Kuala Kurau.

“Bapa mangsa pula masih belum ditahan berikutan dia berada di Kuala Lumpur,” katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen

di sini, semalam.

Bagaimanapun, Mohd Shukri masih belum dapat merumuskan kejadian sebenar kes itu apabila laporan lengkap dari pakar psikologi kanak-kanak belum diperolehi.

“Berdasarkan percakapan, mangsa menyebut banyak nama sehingga mewujudkan tanda tanya identiti sebenar pelakunya. Khidmat pakar psikologi kanak-kanak diperlukan untuk merakam keterangan sebelum tindakan susulan diambil.

“Selain itu, banyak elemen dikaitkan dalam kes ini termasuk penggunaan dadah dan penderaan beramai-ramai. Kes ini disiasat mengikut Seksyen 376 (B) Kanun Keseksaan,” katanya.